



# BENGGKEL PERSEDIAAN PERSATUAN ALUMNI UNIMAP UNTUK PENDAFTAR PERTUBUHAN (R.O.S)

Oleh: Pn. Sayang Nurshahrizleen Ramlan

Persatuan Alumni Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) secara tidak rasmi telah diwujudkan sejak tahun 2006 lalu dengan keahlian kohort pertama 107 orang graduan bersempena Majlis Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Pertama dalam tahun 2006. Sehingga tahun 2010, Persatuan Alumni UniMAP telah berkembang dengan keahlian kini seramai 1,026 orang dari seluruh Malaysia. Namun begitu, setelah dirujuk serta berpandukan nasihat perundangan dari Unit Perundangan, Jabatan Canselori, UniMAP, persatuan ini diharuskan mendaftarkan secara rasmi di Pendaftar Pertubuhan (ROS) supaya ia berupaya bergiat secara aktif dan sah mengikut tatacara perundangan pertubuhan di Malaysia.

Justeru pada 7 hingga 9 Februari 2011, satu bengkel persediaan Persatuan Alumni UniMAP telah adakan bertempat di bilik mesyuarat Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UniMAP bagi memurnikan kandungan perlembagaan dan dokumen berkaitan bagi didaftarkan di Pendaftar Pertubuhan (Registrar Of Society). Ianya bagi memastikan segala proses pendaftaran kelak berjalan lancar serta mematuhi piawaian yang ditetapkan. Bengkel ini melibatkan 15 orang yang terdiri daripada Pn. Sayang Nurshahrizleen Ramlan (Pegawai Unit Alumni), En. Sarudin Rohseli (mantan Presiden), ahli jawatankuasa sesi 2008/2010 serta alumni-alumni yang bekerja di UniMAP dan zon utara. Antara lain objektif bengkel ini juga adalah untuk berkongsi pengetahuan dalam prosedur pendaftaran pertubuhan bersama alumni-alumni UniMAP yang lain bagi faedah jangka panjang; mengadakan perancangan, pelan tindakan dan perlantikan bagi aktiviti-aktiviti persatuan bagi tahun 2011 serta mengadakan sesi sumbang saran, berkongsi idea dan pandangan hala tuju persatuan di masa depan. Manakala pengisian bengkel ini antaranya adalah; pemurnian kandungan perlembagaan persatuan, penyediaan minit mesyuarat, pemilihan senarai ahli jawatankuasa penaja, semakan akhir, pembentangan dan pendaftaran ke ROS pada hari terakhir. Turut hadir ke bengkel ini bagi mengesahkan dokumen akhir hasil pembentangan adalah En. Razli Ahmad, Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

*Nota : Semasa artikel ini diterbitkan, Persatuan Alumni UniMAP secara rasminya telah pun diluluskan ROS pada tanggal 4 Mac 2011 sebagai satu badan pertubuhan untuk bergiat aktif secara sah disisi undang-undang. Ucapan ribuan terima kasih kepada semua terlibat yang bertungkus lumus bersama-sama membantu.*